

D940

R B692 DEB

MAHATHIR-MASJID

1984

IPOH, 24 DIS. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MAHU LEBIH RAMAI UMAT ISLAM BERKUMPUL DI MASJID BAGI MENJALAN TALIPERSAUDARAAN DALAM MASYARAKAT DAN MENINGKATKAN SYIAR ISLAM KESELURUHANNYA.

KATANYA, LEBIH RAMAI ORANG BERKUMPUL DI MASJID UNTUK BERIBADAT, ADALAH LEBIH BAIK KERANA IA AKAN MELAHIRKAN PERASAAN PERSEFAHAMAN, PERSAUDARAAN DAN KEIMANAN YANG LEBIH KUKUH.

+GUNAKANLAH MASJID DENGAN SEBAIK-BAIKNYA SEBAGAI TEMPAT BERIBADAT, SEBAGAI YANG DITUNTUT OLEH AGAMA ISLAM DAN KE ARAH MENUJU HIDUP BERMASYARAKAT, + TAMBAH BELIAU SEMASA MERASMSKAN MASJID TAMAN KLEDANG JAVA DI SINS HARI INI.

KATANYA, AGAMA TIDAK MENGGALAKKAN SESEORANG ITU MENYENDIRI, SEPERTI BERTAPA DI ATAS BUKIT, TETAPI MEREKA DIKEHENDAKI BERKUMPUL BERSAMA-SAMADI MASJID DI KARIAHNYA.

INI AKAN MEMBOLEHKAN MASYARAKAT BERKENAL-KENALAN ANTARA SATU SAMA LAIN DAN MERAPATKAN TALIPERSAUDARAAN, TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI TIDAK MAHU ADA ORANG YANG MEMULAKAN MASJID DALAM KARIAHNYA UNTUK BERSEMAHYANG DI MASJID LAIN ATAU MEMBINA MASJID LAIN DALAM KARIAH YANG SAMA.

AGAMA ISLAM SENDIRI TIDAK MENGGALAKKAN MASJID DIBINA BERHAMPIRAN KERANA INI AKAN MENIMBULKAN PELBAGAI MASALAH SUNGGUHPUN AGAMA MENGGALAKKAN MASJID DIBINA DI SEMUA TEMPAT, KATA BELIAU.

+SELAGI MASJID YANG PERTAMA INI DAPAT MENAMPUNG ANGGOTA-ANGGOTA KARIAH, TIDAKLAH PERLU SEBUAH MASJID LAIN. MALAH KALAU ANGGOTA KARIAH BERTAMBAH, JUGA TIDAK PERLU SEBUAH MASJID LAIN KERANA MASJID YANG ADA BOLEHDIPERBESARKAN, +TAMBAHNYA.

+JANGANLAH HENDAKNYA APABILA SEBUAH MASJID TELAH ADA DISESEBUAH KARIAH, IA TIDAK DIGUNAKANNYA MALAHAN DIA Mencari tempat lain untuk BERIBADAT, + KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

PERDANA MENTERI KESAL KERANA MASALAH INI WUJUD DALAM MASYARAKAT ISLAM DI NEGARA INI SEKARANG SUNGGUHPUN PADA MASA DAHULU SOAL PERPECAHAN DI KALANGAN ORANG MELAYU TIDAK TIMBULSAMA SEKALI.

SAMBIL MENGGESA UMAT ISLAM MENGELAKKAN PERPECAHAN, BELIAU BERKATA MASALAH INI TIMBUL KERANA SOAL-SOAL AGAMA SUDAH DICAMPURADUKKAN DENGAN SOAL-SOAL LAIN.

+TIDAK ADA MANFAATNYA PERBUATAN SEPERTI INI DITERUSKAN SEDANGKAN MASJID ADALAH TEMPAT BERIBADAT, + KATANYA LAGI.

PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN BANGGA KERANA KESEDARAN UMAT ISLAM DI NEGARA INI UNTUK MENERJAKAN IBADAT SEKARANG SEMAKIN MENINGKAT.

+KALAU DAHULU MASJID SERING SAHAJA KEKOSONGAN, KEADAAN SEKARANG ADALAH SEBALIKNYA, + KATA BELIAU.

BELIAU YAKIN JIKA MASYARAKAT ISLAM DAPAT MENGEKALKAN K'EADAAN INI, TERMASUK MENINGKATKAN PERSEFAHAMAN, IA AKAN MUNCUL SEBAGAI MASYARAKAT YANG DIHORMATI SERTA DAPAT MEMBERI GAMBARAN BAIK KEPADA MASYARAKAT LAIN FELURUHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA SERHARAP JAWATANKUASA MASJID DAPAT MEMELIHARA MASJID DENGAN BAIK SUPAYA SENTIASA BERSIH DAN INDAH BAGI MEMBOLEHKAN ORANG RAMA BERIBADAT DALAM SUASANA YANG SEMPURNA.

KALAU KOS PEMBINAAN MASJID YANG BEGITU BANYAK BOLEH DICARI, TIDAK ADA SEBAB SEDIKIT PERUNTUKAN UNTUK MEMELIHARA MASJID SUPAYA SENTIASA SERSIH DAN INDAH TIDAK DAPAT DIUSAHAKAN, KATA BELIAU LAGI.

MENTERI BESAR, DATUK SERI RAMLI NGAH TALIB DALAM UCAPANNYA BERHARAP MASYARAKAT TIDAK MENJADIKAN MASJID BAGI Mencari kepentingan lain yang boleh merosakkan akidah.

KATANYA, KERAJAAN TIDAK MENGHALANG KEGIATAN ORANG YANG MENJALANKAN KEGIATAN DAKWAH, TETAPI TERPAKSALAH BERHATI-HATI MEMANDANGKAN WUJUDNYA KEGIATAN-KEGIATAN YANG MENYELEWENG.

UNTUK ITU, KERAJAAN TERPAKSAMENGENAKAN PERATURAN-PERATURAN TERTENTU KERANA MAHU MELIHAT AJARAN-AJARAN ISLAM TIDAK TERCEMAR DENGAN PERKARA-PERKARA YANG BERTENTANGAN DENGAN AJARANNYA, KATANYA LAGI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERSAMA-SAMAPARA JEMPUTAN KEMUDIAN BERSEMAHYANG SUNAT DI MASJID TERSEBUT YANG DIBINA DENGAN KOS \$280,000.

SEBELUM ITU, KETIBAAN PERDANA MENTERI DI LAPANGAN TERBANG IPOH DISAMBUT OLEH KIRA-KIRA 3,000 ORANG TERDIRI DARIPADA ANGGOTA-ANGGOTA PART 1 KOMPONEN BARISAN NASIONAL.

BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO KEMUDIAN MENGADAKAN PERJUMPAAN TERTUTUP DENGAN PARA ANGGOTA JAWATANKUASA UMNO BAHAGIAN KINTA YANG diketuai oleh DR. NAWAWI MAT AWIN. -- BERNAMA